

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERUSAHAAN SOSIAL UNTUK
DILULUSKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11C) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

1. TUJUAN :

1.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur dan syarat permohonan oleh Perusahaan Sosial untuk mendapatkan kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas sumbangan tunai kepada Perusahaan Sosial untuk menuntut potongan cukai pendapatan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2019.

2. TERMA DAN SYARAT-SYARAT :

2.1 **Perusahaan Sosial yang layak memohon untuk mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah memenuhi semua kriteria seperti berikut:**

- a) Ditubuhkan dan menjalankan perniagaan di Malaysia;
- b) Objektif penubuhan adalah secara aktif memberi kesan sosial atau alam sekitar yang positif dan dalam keadaan kewangan yang stabil;
- c) Merupakan syarikat yang aktif dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- d) Mendapat akreditasi sebagai Perusahaan Sosial daripada Kementerian Pembangunan Usahawan. (Sila lawati laman sesawang Kementerian Pembangunan Usahawan untuk maklumat lanjut berhubung permohonan akreditasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan);
- e) Penerima manfaat sosial adalah rakyat Malaysia sahaja tanpa mengira kaum, bangsa dan agama;

- f) Perusahaan Sosial perlu beroperasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun bagi melayakkannya untuk memohon sebagai Perusahaan Sosial yang diluluskan oleh YB Menteri Kewangan; dan
- g) Perusahaan Sosial yang telah diluluskan status di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah tidak dibenarkan memohon untuk mendapat kelulusan ini.

2.2 Syarat-syarat yang perlu dipatuhi selepas mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967:

- a) Perusahaan Sosial yang diluluskan perlu menyediakan akaun berasingan bagi sumbangan yang diterima dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap tahun selagi tempoh kelulusan masih berkuat kuasa serta tidak gagal melaporkan pendapatan tahunan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- b) Sumbangan yang diterima hendaklah digunakan semata-mata bagi memenuhi objektif sosial berkenaan;
- c) Hendaklah menyimpan senarai penderma serta salinan resit bagi tujuan audit. Salinan penderma dan laporan perbelanjaan hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang berkenaan bagi setiap tahun sepanjang tempoh kelulusan berkuatkuasa;
- d) Resit sumbangan wang tunai kepada Perusahaan Sosial yang diluluskan perlu dikeluarkan mengikut ketetapan berikut:
 - (i) Nama Pemberi Sumbangan;
 - (ii) No Kad Pengenalan/ No Pendaftaran Perniagaan;
 - (iii) Tarikh penerimaan;
 - (iv) No Rujukan Fail Kelulusan Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai ;
 - (v) Amaun sumbangan;

- (vi) Tempoh kelulusan yang sah;
- (vii) No. Rujukan akreditasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

3. POTONGAN CUKAI KE ATAS SUMBANGAN WANG TUNAI KEPADA PERUSAHAAN SOSIAL YANG DILULUSKAN:

- 3.1 Sumbangan yang dibenarkan potongan cukai adalah dalam bentuk tunai sahaja dan amaun yang boleh dituntut oleh penderma adalah baki daripada jumlah 7% dari pendapatan agregat bagi selain syarikat dan baki daripada jumlah 10% dari pendapatan agregat bagi syarikat selepas tolakan di bawah Subseksyen 44(6) dan Subseksyen 44(11B); dan
- 3.2 Pelepasan cukai hanya boleh dituntut sekiranya sumbangan telah dibuat oleh penderma dan resit dikeluarkan oleh Perusahaan Sosial yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. PEMBUBARAN PERUSAHAAN SOSIAL:

- 4.1 Sekiranya Perusahaan Sosial yang diluluskan menghentikan operasi, baki sumbangan hendaklah disalurkan kepada mana-mana Perusahaan Sosial yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 atau mana-mana institusi di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- 4.2 Perusahaan Sosial perlu membuktikan kesemua wang yang telah dipindahkan kepada mana-mana Perusahaan Sosial lain yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan kepada Kementerian Kewangan.

5. TEMPOH PERMOHONAN DAN TEMPOH KELULUSAN PERUSAHAAN :

- 5.1 Tempoh permohonan untuk mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020; dan
- 5.2 Tempoh kelulusan Perusahaan Sosial yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah 3 tahun taksiran berturut-turut.

6. KELULUSAN DI TARIK BALIK :

- 6.1 YB Menteri pada bila-bila masa berhak untuk menarik balik kelulusan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 sekiranya Perusahaan Sosial yang diluluskan didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan dan tidak memperbaharui akreditasi daripada Kementerian Pembangunan Usahawan; dan
- 6.2 Susulan penarikan kelulusan, wang sumbangan yang diterima Perusahaan Sosial tersebut hendaklah disalurkan ke mana-mana Perusahaan Sosial yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 atau mana-mana institusi di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. PERMOHONAN:

- 7.1 Permohonan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bersama kertas cadangan yang mengandungi maklumat berikut:
 - (a) Penyata kewangan beraudit;

- (b) Dokumen akreditasi daripada Kementerian Pembangunan Keusahawanan;
- (c) Senarai penderma/penyumbang berpotensi beserta amaun sumbangan yang diperlukan; dan
- (d) Sumber dana/pembayaran seperti geran, pinjaman dan sebagainya selain sumbangan daripada individu/syarikat.

7.2 Permohonan yang lengkap boleh dikemukakan ke alamat berikut:

Setiausaha,
Bahagian Cukai,
Aras 6, Blok Tengah,
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Kementerian Kewangan.

Mei 2019